

Masjid antara tempat menangi hati umat Islam

14 AUG 2002

KUALA LUMPUR 14 Ogos — Masjid dan surau perlu menjadi antara tempat utama untuk memenangi hati umat Islam di negara ini, kata para pemikir Islam.

Menurut mereka, para pemimpin juga perlu menetapkan objektif yang jelas berhubung perpaduan bagi memudahkan masyarakat Islam di negara ini berusaha ke arah itu.

Pengerusi Majlis Syura Islam Selatan California, Dr. Yahia Khairy Abdul-Rahman berkata, para pemimpin yang

mahu meraih sokongan rakyat yang cenderung menyokong parti Islam perlu berusaha menunjukkan kredibiliti mereka dalam masyarakat.

“Dalam Islam, kredibiliti itu letaknya di masjid kerana mereka yang ada di masjid itu mengesahkan kelahiran, kematian serta perkahwinan dan mempunyai pengaruh yang amat besar terhadap masyarakat.

Dr. Yahia Khairy berkata demikian ketika membincangkan topik Perpaduan Islam dalam Diskusi Tidak Formal Mengenai Islam anjuran

Ibu Pejabat UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Diskusi itu diadakan sempena Dialog Mahathir Mengenai Kemajuan Ummah anjuran Institut Pengembangan Ilmu, Universiti Teknologi Mara (UiTM) selama empat hari mulai Isnin lalu.

Ahli Kongres Islam Kanada, Profesor Dr. Mohamaed Ibrahim Elmasry pula berkata, pemimpin Islam perlu menetapkan matlamat perpaduan bagi memudahkan masyarakat berusaha ke arah itu.

“Bercakap sahaja mengenai

perpaduan tidak akan berjaya kerana mereka perlu diyakinkan mengenai apa yang boleh dicapai melalui perpaduan Islam,” tegasnya.

Sementara itu, Pengerusi Biro Agama UMNO yang juga Penasihat Agama Kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman berkata, UMNO sedar langkah turun ke masjid itu merupakan satu pendekatan baik yang diambil mudah oleh parti itu sebelum ini.

“Kita mengambil mudah isu masjid dan surau hingga sekarang sukar untuk kita nak

masuk ke tempat-tempat itu bagi menjelaskan apa yang dilakukan oleh UMNO adalah selaras dengan ajaran Islam.

“Sebab itu kita sekarang ini sedang menjalankan program Takarrub di bawah Jabatan Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan sejak enam bulan lalu bagi mendekati pengundi di kampung,” ujarnya.

Menurut Dr. Abdul Hamid, UMNO sukar untuk mendapatkan sokongan rakyat kerana parti pembangkang menyemai tanggapan sempit terhadap ajaran Islam sehingga pembangunan yang dibawa parti itu dianggap sebagai hasil pemerintahan sekular.